

## Perancah

Perancah atau *scaffolding* adalah satu binaan sementara yang sangat diperlukan semasa pembinaan sesuatu bangunan. Fungsi mengadakan perancah adalah untuk membolehkan dan memudahkan pekerja-pekerja menjalankan kerja seperti mengikat bata, melepai, memasang siling, mengecat dan sebagainya pada tempat yang tinggi dengan selamat. Perancah boleh dibina dengan pelbagai cara dan bentuk untuk menyesuaikan dengan keadaan dan tempat yang berlainan.

Jenis-jenis perancah adalah;

- Perancah *frame*
- Perancah kayu bulat
- Perancah paip
- Perancah tiang tunggal dengan lantai kerja menggunakan plat
- Perancah tiang tunggal dengan *bracket*
- Perancah bergerak
- Perancah kuda-kuda
- Perancah persegi



### Pencegahan Am:

- Gunakan perancah yang masih elok
- Jangan menggunakan perancah yang berkarat, rosak, kemik
- Tidak mengenakan lebih bebanan
- Ketinggian > 3 m, dipasang oleh pekerja perancah yang kompeten
- Pemeriksaan perancah setiap 7 hari sekali oleh pekerja perancah yang kompeten
- Gunakan PPE yang sempurna ( penggunaan abah-abah dengan disambung kepada tali hidup)



Bahaya yang boleh berlaku;

- Bahaya jatuh
- Bahaya ketinggian
- Bahaya roboh
- Bahaya terperosok



**Bekerja di tempat tinggi merupakan salah satu pekerjaan yang bahaya dan tinggi risikonya untuk berlaku kemalangan. Bahaya utama yang menanti adalah jatuh dari tempat yang tinggi. Sekurangnya kita perlu mengambil langkah keselamatan diri dan orang lain. Jangan pandang mudah semua ini kerana nyawa kita tiada galang gantinya.**




**NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (NIOSH) 243042-U  
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES**

Lot 1, Jalan 15/1, Section 15,  
43650 Bandar Baru Bangi  
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-87692100 | 03-89113800  
Fax: 03-89262900

[www.niosh.com.my](http://www.niosh.com.my)

# BEKERJA DI TEMPAT TINGGI



# BEKERJA DI TEMPAT TINGGI

Sesiapa yang bekerja di tempat tinggi atau bekerja dalam industri perlu mematuhi undang-undang yang dilindungi dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994. Adalah menjadi tanggungjawab kedua-dua majikan dan pekerja untuk memastikan mereka adalah dalam keadaan selamat. Kegagalan mematuhi akan menyebabkan mereka boleh dikenakan penalti jika disabitkan kesalahan.

Untuk bekerja di tempat tinggi, pada ketinggian 10 kaki (3 meter) atau lebih dari aras permukaan tanah atau lantai mesti memakai peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai sebelum memulakan kerja.

Rujukan: Akta Kilang dan Jentera (Safety, Health & Welfare) 1970

## Peralatan Perlindungan Diri (PPE) bagi Bekerja di Tempat Tinggi

Peralatan keselamatan yang digunakan semasa melakukan kerja tempat tinggi seperti;

- **Abah-abah Keselamatan** - *Full Body Harness*, yang sesuai
  - Jangan menggunakan *safety belt* kerana banyak kes terjatuh yang maut dan cedera parah walaupun memakai *safety belt*. Perlindungan *safety belt* adalah tidak menyeluruh. Masih banyak syarikat membekalkan *safety belt* kerana ianya lebih murah.
- **Kasut keselamatan**- *safety shoe*
- **Tali nyawa** (*Life Line*), *Lanyard*, *Rope grab*
- **Topi keselamatan** (*safety helmet*) yang sesuai



**Topi keselamatan**  
Lindungi kepala daripada objek terjatuh



**Abah-abah**  
Lindungi badan daripada terjatuh dari tempat tinggi



**Kasut keselamatan**  
Lindungi kaki daripada objek terjatuh atau terhimpit dan tusukan daripada bawah

Peralatan Perlindungan Diri (PPE) dan langkah keselamatan lain adalah langkah kita bagi mengelakkan sebarang risiko kemalangan.

## Hazard / Risiko bekerja di tempat tinggi

Seluruh dunia, dilaporkan lebih 40,000 kecederaan dan kematian disebabkan terjatuh dari tempat tinggi. 33 peratus dari kemalangan akibat jatuh menyebabkan kematian. Dalam industri pembinaan, jatuh merupakan punca utama kemalangan maut.

Jenis kemalangan yang melibatkan kerja di tempat tinggi adalah;

- Pekerja terjatuh;**
  - Jatuh dari tempat tinggi atau di dalam lubang
  - Terjatuh atau tersungkur
- Benda jatuh**
  - Menara atau tiang tumbang
  - Tanah runtuh
  - Perancah runtuh
  - Benda atau peralatan (*tool*) jatuh ketika bekerja

### Pencegahan Am:

- Pekerja mestilah yang terlatih dan kompeten
  - Telah disahkan sihat fizikal dan mental oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan;
  - Telah menghadiri kursus "Bekerja di Tempat Tinggi"; dan
  - Lulus penilaian kursus "Bekerja di Tempat Tinggi"

### iii. Terjatuh dari tangga;

Berlaku disebabkan oleh:

- Perlakuan tidak selamat
  - Menggunakan tangga yang rosak
  - Memanjat sambil membawa peralatan
- Keadaan tidak selamat
  - tangga yang rosak
  - tangga tidak stabil

### Pencegahan Am:

- Mengamalkan '*buddy*' sistem untuk tangga mudah alih - memegang tangga di bawah semasa rakan memanjat.
- Guna tangga yang bersesuaian dan tidak rosak
- Gunakan abah-abah keselamatan dengan betul
- Sekiranya tangga dijadikan pelantar tempat bekerja - penggunaan tangga tetap serta tegak melebihi 3 m
- Periksa peralatan dan perkakas sebelum melaksanakan tugas
- Sentiasa mengamalkan prinsip '*3 point contact*' semasa memanjat tangga
- Mengelakkan peralatan dibawa semasa memanjat

